

Ahli Parlimen pilih jadi wakil rakyat Bebas juga perlu kosongkan kerusi

Hilang kerusi jika lompat parti

DEWAN
RAKYAT

Oleh AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF

KUALA LUMPUR – Seseorang Ahli Dewan Rakyat yang dipilih rakyat dan bertindak menukar parti tidak kira dalam gabungan sama atau berbeza akan kehilangan kerusi Parlimen yang mereka sandang.

Perkara tersebut merupakan antara lapan parameter utama dalam pengubalan Rang Undang-Undang (RUU) 'Perlembagaan' (Pindaan) (No.3) 2022 berkaitan larangan Ahli Parlimen bertukar parti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pertimbangan dan perbincangan telah dibuat Jawatankuasa Pilihan Khas termasuk implikasi pengubalan peruntukan-peruntukan tertentu dalam perkara ini.

"Antaranya adalah perundangan larangan ahli Dewan Rakyat



AHLI Dewan Rakyat yang bertindak menukar parti selain memilih untuk menjadi wakil rakyat Bebas perlu mengosongkan kerusi Parlimen yang disandang.

bertukar parti ini tidak akan terpakai secara restrospektif iaitu pelaksanaan akta mulai tarikh kuat kuasa akta.

"Ahli Dewan Rakyat yang keluar dari parti politik dalam satu parti gabungan dan menyertai parti politik yang lain dalam parti

gabungan yang sama atau berbeza adalah terhenti menjadi Ahli Dewan Rakyat.

"Penggunaan simbol parti poli-

tik atau simbol parti gabungan tidak akan diambil kira dalam rang undang-undang berkaitan dengan larangan ahli Dewan Rakyat bertukar parti.

"Mana-mana ahli Dewan Rakyat yang bertukar parti atau yang meninggalkan parti politik yang beliau menjadi calon semasa pilihan raya untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat Bebas akan terhenti menjadi ahli dan perlu mengosongkan kerusi," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan RUU Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 berkaitan larangan Ahli Parlimen bertukar parti di Dewan Rakyat di sini semalam.

Bagaimanapun, katanya, RUU itu turut memperuntukkan beberapa pengecualian kepada wakil rakyat yang bertukar parti.

"Ahli Dewan Rakyat tidak terhenti menjadi ahli sekiranya parti politiknya terubur atau dibatalkan pendaftarannya.

"Pelepasan keanggotaan ahli Dewan Rakyat daripada parti politik apabila dipilih menjadi Yang Di-Pertua Dewan Rakyat dan pemecatan ahli Dewan Rakyat dari keanggotaan dalam parti dikecualikan dari terhenti menjadi ahli Dewan Rakyat," katanya.